

DBKL tetapkan 3 lokasi khas salur sumbangan Ramadan

Inisiatif kawalan bagi jamin kualiti makanan, jaga kebersihan sekitar Kuala Lumpur

Kuala Lumpur: Pertubuhan bu-
kan kerajaan (NGO) dan orang
perseorangan di ibu negara di-
saran menyalurkan sumbangan
atau makanan sempena Rama-
dan, di tiga lokasi yang ditetapkan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
(DBKL).

Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr
Zaliha Mustafa, berkata lokasi ter-
babit ialah Anjung Kembara Pusat
Transit Gelandangan Kuala Lum-
pur, Pusat Khidmat Gelandangan
Medan Tuanku dan Pusat Pembe-
lajaran Komuniti Chow Kit.

“Ketiga-tiga lokasi khas berke-
naan diwujudkan sebagai inisiatif
kawalan terhadap kualiti makanan
dan pada masa sama menjaga ke-
bersihan di sekitar Kuala Lumpur,”
katanya selepas menyertai Operasi
Bersepadu Menyelamatkan Gela-
ndangan di sekitar ibu negara, awal
pagi semalam.

Operasi itu membabitkan 203
pegawai dan anggota dengan turut



Dr Zaliha (kanan) ketika menyertai Operasi Bersepadu Menyelamatkan Gelandangan di sekitar ibu negara, awal pagi semalam.
(Foto ihsan FB Dr Zaliha Mustafa)

dibantu beberapa agensi, termasuk
Polis Diraja Malaysia, Majlis Kese-
lamatan Negara, DBKL, Yayasan
Kebajikan Negara (YKN), Jabatan
Imigresen Malaysia, Jabatan Pen-
daftar Negara, Agensi Antida-
dah Kebangsaan, serta Jabatan Ke-
bajikan Masyarakat.

10 NGO rakan kolaborasi DBKL

Mengulas lanjut, Dr Zaliha mema-
klumkan setakat ini, sebanyak 10
NGO menjadi rakan kolaborasi
DBKL bagi pengagihan makanan
di Pusat Khidmat Gelandangan
Medan Tuanku dan Pusat Pembe-
lajaran Komuniti Chow Kit, manaka-

la 16 lagi adalah rakan kolaborasi
YKN di Anjung Kembara.

“Kita tidak boleh melarang
NGO yang ingin memberi bantu-
an. Cuma, kita meminta kerjasama
daripada mereka serta jika ingin
menyumbang, boleh berurusan
dengan Jabatan Pembangunan Ko-
muniti dan Kesejahteraan Bandar
DBKL,” katanya.

Mengenai operasi bersepadu
yang bermula jam 1 pagi semalam
pula, Dr Zaliha berkata, setakat jam
2.30 pagi, seramai 150 gelandangan
sudah dibawa ke Pusat Khidmat
Gelandangan Medan Tuanku
untuk proses mendapatkan data

demografi, selain mengenal pasti
punca dan penyelesaian terbaik da-
lam usaha membantu mereka.

“Angka itu dijangka meningkat
pada akhir operasi. Ini kerana me-
nerusi cerapan pada 14 Februari
lalu, kita mendapati ada seramai
414 gelandangan di lima lokasi ‘hot-
spot’ gelandangan di sekitar Kuala
Lumpur,” katanya.

Beliau berkata, data diambil da-
lam operasi itu juga akan memban-
tu pihak kementerian dan agensi
berkaitan untuk menyemak semu-
la dasar atau peraturan sedia ada
sekiranya terdapat keperluan.

BERNAMA